

Parlimen: Perdana Menteri bentang PPN hari ini



MUHYIDDIN YASSIN

Oleh ASLINDA NASIR 26 Julai 2021, 8:34 am



KUALA LUMPUR: Sidang Khas Dewan Rakyat yang bermula pukul 10 pagi ini akan dimulakan dengan pembentangan Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Ia akan dibentangkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Berdasarkan Aturan Urusan Mesyuarat di laman rasmi Parlimen, persidangan selama lima hari itu akan menyaksikan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba memberi penerangan mengenai tindakan menangani pandemik Covid-19.

Selepas itu, dijadualkan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin yang juga Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan akan menerangkan berkenaan program vaksinasi.

Pada akhir mesyuarat pula, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dijadual menerangkan mengenai pakej-pakej bantuan ekonomi manakala Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob merangkap Menteri Pertahanan dijadual memberi penerangan mengenai pelaksanaan darurat.

Sebanyak 12 dokumen merangkumi tiga Proklamasi Darurat dan sembilan Ordinan Darurat akan dibawa ke dalam mesyuarat Dewan Rakyat hari ini.



POPULAR

'Jangan panggil saya jutawan' 27 Julai 2021, 12:30 pm

Covid-19: China lapor 71 kes baharu 27 Julai 2021, 12:30 pm

'Apa guna fungsi Jawatankuasa Khas Bebas Darurat jika keputusan telah dibuat'

Pegawal tadbir MBSA mengaku tidak bersalah terima rasuah RM36,000 27 Julai 2021, 12:26 pm

KOSMO! TERKINI

Gadis 13 tahun Jepun menang pingat emas

Ekonomi hidrogen diperkasakan

92 peratus kes jangkitan belum terima vaksin

Walaupun ditubuhkan pada 1950-an, MAMPU kekal jeli

PGA rampas 5.18 tan beras Siam

Pentas fesyen kini lebih fleksibel perkenal jenama